

28 AUG 1998

NAM (Analisis berita)

NAM PEGANG KUNCI PERSEIMBANGAN KUASA

Oleh: E Sivabalan

DURBAN, 28 Ogos (Bernama) -- Pada sidang kemuncaknya yang ke-12 di sini minggu depan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) sekali lagi akan dihantui dengan isu sama ada kewujudannya masih relevan dengan berakhirnya Perang Dingin dan lenyapnya blok kuasa berideologi.

Para pengkritik pergerakan berusia 37 tahun itu berpendapat bahawa selain dari hanya cakap mulut menyokongnya, ia cergas buat sementara hanya pada sidang kemuncaknya atau mesyuarat-mesyuarat peringkat menterinya. Selepas itu masing-masing membawa diri.

Berakhirnya pemusuhan kuasa-kuasa besar mungkin telah menamatkan peranan utama NAM tetapi dengan berlakunya peristiwa-peristiwa baru melibatkan Amerika Syarikat, keadaan mungkin berubah, kata para penganalisa.

Mereka berpendapat bahawa 113 negara membangun dalam NAM mulai sedar bahawa dunia terlalu lama dikuasai oleh kuasa besar tunggal...Amerika Syarikat ... yang tindak-tandapan sehalanya kadangkala mencerminkan kesombongan negara barat.

Serangan roket baru-baru ini ke atas apa yang mereka dakwa sebagai pangkalan penganas di Sudan dan Afghanistan membuktikan dengan jelas sikap berlebihan AS ini.

Banyak negara membangun, termasuk Malaysia, menjadi sasaran serangan spekulator matawang dari negara Barat yang telah melumpuhkan ekonomi mereka sehinggakan berjuta penduduk kehilangan pekerjaan manakala bank-bank dan syarikat-syarikat dibebani masalah.

Setelah menyedari betapa seriusnya keadaan, para pemimpin negara-negara membangun termasuk Malaysia akan bertemu di sini mulai 2 Sept pada sidang kemuncak NAM yang ke-12 untuk mencari hala tuju baru bagi NAM dalam usaha supaya ia tidak lagi dikaitkan dengan apa yang dikatakan "cakap kosong berulang kali".

"Kita harap NAM kan diperkukuhkan lagi untuk menghadapi cabaran-cabaran alaf akan datang," kata Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada satu temu bual dengan Bernama baru-baru ini sebelum sidang kemuncak itu.

Katanya NAM akan menjadi "responsif kepada perubahan-perubahan semasa dan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi dunia."

"Sebagai satu pergerakan, kita harap NAM akan dapat bertindak secara bermuafakat dan bersependapat dalam Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan juga di badan-badan antarabangsa yang lain," katanya.

Pada sidang kemuncak NAM yang lepas di Cartagena, Colombia pada tahun 1995, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan kepada rakan-rakan sejawatannya supaya memberitahu dengan jelas kepada mereka yang suka memperkecilkan pergerakan itu bahawa "NAM masih hidup dan berhasrat memainkan peranan utama dalam era selepas Perang Dingin."

"NAM, bagi pihak Selatan, akan terus memperjuangkan untuk order baru dunia berasaskan kepada prinsip keadilan, kesamarataan dan demokrasi dalam hubungan antarabangsa," kata Dr Mahathir.

Malahan, Setiausaha Agung PBB Kofi Annan juga telah menyentuh mengenai perlunya NAM diberi peranan yang lebih besar dalam badan dunia itu yang masih lagi mencerminkan realiti-realiti geopolitikal tahun-tahun 1940'an.

Ramai yang cenderung untuk bersetuju dengan pendapat Malaysia mengenai NAM terutamanya ketika dunia berhadapan dengan soalan keseimbangan kuasa.

"Siapa yang nak kawal 'Uncle Sam' (AS), adakah Majlis Keselamatan?"

"Nampaknya dunia sekarang dikuasai oleh satu negara tertentu dan malahan PBB sendiri tidak mempunyai kuasa dalam beberapa tindakan sehalu negara ini disebabkan kuasa vetonya (dalam Majlis Keselamatan," kata seorang diplomat asing yang menghadiri sidang kemuncak Durban.

Diplomat itu berkata masanya telah tiba bagi NAM bertindak untuk memegang perseimbangan kuasa.

Katanya apa yang menjadi masalah ialah setiap negara anggota telah memberi tumpuan untuk memenuhi "agenda" mereka sendiri dan bukan pergerakan itu.

Sementara negara-negara membangun sekali lagi dijangka memberi tumpuan kepada isu-isu serantau, Kuala Lumpur akan menyampaikan pendapatnya mengenai krisis ekonomi dan kewangan semasa dan percubaan untuk menjajah semula negara-negara membangun.

Perjuangan Malaysia melawan-melawan elemen-elemen ini akan diterajui oleh Dr Mahathir yang telah menjelajah ke banyak negara dari Hong Kong ke London dan ke Namibia sejak setahun lepas bagi memperhebatkan kempen untuk mewujudkan disiplin dalam perdagangan matanwang.

Selepas lebih dari sebulan menjelajah ke seluruh negara bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai masalah ekonomi, Perdana Menteri sekarang akan beralih kepada rakan-rakan sejawatannya di negara-negara membangun yang tidak sabar menunggu untuk mendengar dari orang yang mereka sifatkan sebagai "jurucakap" mereka.

Dr Mahathir dijadualkan tiba di Durban pada hari Selasa, hanya sehari selepas Malaysia menyambut ulangtahun kemerdekaanya ke 41, untuk memberi pesanan keras kepada rakan-rakan sejawatannya bahawa sekiranya mereka gagal untuk bertindak segera menangani spekulator matawang, kemerdekaan negara mereka akan tergugat.

Para penganalisis berkata sidang kemuncak NAM kali ini dijangka akan menggesa Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) mempercepatkan kajiannya terhadap dagangan matawang.

"Isu krisis kewangan akan menjadi topik utama yang akan dibangkitkan oleh Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak Durban," kata Abdullah.

Beliau berkata Malaysia menjangkai krisis kewangan akan dimasukkan dalam Deklarasi Durban.

NAM, yang ditubuhkan pada Sidang Kemuncak Belgrade pada tahun 1961, mengandungi 113 negara membangun. Sidang kemuncaknya diadakan tiga tahun sekali dan yang baru lepas ialah di Cartagena, Colombia pada tahun 1995.

Semua negara anggota diwakili pada sidang kemuncaknya ke-11 di Colombia walaupun hanya 36 ketua negara termasuk Dr Mahathir hadir.

Pada keseluruhannya, sidang kemuncak NAM kali ini akan membincangkan berbagai isu-isu bersama politikal, ekonomi dan sosial.

Abdullah berkata antara isu-isu politik yang akan dibincangkan termasuk peranan NAM, pengukuhan dan penyusunan semula PBB termasuk reformasi Majlis Keselamatan, kedudukan kewangan PBB, pelucutan senjata dan keselamatan antarabangsa; Agenda untuk Keamanan; situasi di negara-negara Afrika, Asia, Eropah, Amerika Latin dan Timur Tengah.

Isu-isu ekonomi termasuk kerjasama ekonomi antarabangsa; globalisasi; isu-isu kewangan; perdagangan antarabangsa dan Kerjasama Selatan-Selatan, manakala isu-isu sosial ialah kesihatan, pekerjaan, kawalan dadah dan hak asasi manusia.

Ujian nuklear oleh India dan Pakistan Mei lepas mungkin juga akan dibangkitkan oleh sesetengah negara, kata Abdullah.

Katanya pendirian Malaysia dalam isu itu ialah "ujian nuklear di bawah tanah adalah satu halangan serius terhadap usaha-usaha untuk memastikan rantau itu bebas daripada senjata nuklear."

"Ia juga menggugatkan usaha-usaha untuk mencapai pengharaman mutlak ujian nuklear," katanya.

Mengenai cadangan Persidangan PBB mengenai Kerjasama Selatan-Selatan, Abdullah berkata Malaysia menyokong penuh cadangan itu pada mesyuarat Biro Penyelaras Mesyuarat Peringkat Menteri NAM di Colombia Mei lepas.

Katanya anggota-anggota NAM telah diminta menawarkan tempat untuk mengadakan persidangan itu.

Mengenai anggota baru NAM, Abdullah berkata sekiranya "Bosnia and Herzegovina memohon untuk menjadi anggota baru pada bila-bila masa, Malaysia sudah tentu akan menyokong."

Ditanya apakah bentuk keputusan yang dijangka daripada Sidang Kemuncak Durban itu, Abdullah berkata beliau berharap ia akan dapat menangani isu-isu kritikal yang sedang melanda negara-negara membangun terutamanya krisis ekonomi dan kewangan.

"Dokumen terakhir yang akan diterima pakai pada akhir sidang kemuncak itu akan meliputi semua isu-isu politik, ekonomi dan sosial," katanya.

--BERNAMA

ES WAT